

# Mari Bestari : Belajar Suku Kata

Goh Kok Ming  
SJJC Chi Sheng 2

## Pengenalan

Projek ini bertujuan untuk membantu murid Tahun 1 dalam kemahiran membaca perkataan dua suku kata tertutup. Murid didapati mengalami kesukaran untuk mengeja dan membaca perkataan dua suku kata tertutup. Mereka tidak dapat menyebut perkataan dengan sebutan yang betul. Bagi menangani isu pembelajaran tersebut, inovasi 'Mari Bestari' ini dihasilkan. Projek ini dihasilkan dengan menggunakan perisian Microsoft PowerPoint yang dibantu oleh perisian Scratch dan Audacity.

## Fokus

Fokus utama projek ini ialah kemahiran membaca perkataan dua suku kata tertutup bertemakan haiwan berdasarkan kaedah pelbagai deria.

Melalui projek ini, murid didapati dapat mengeja suku kata yang dipinggalkan dengan menggabungkan bunyi huruf dan seterusnya dapat membaca perkataan dengan sebutan yang betul.

## Objektif

- ➔ Membantu murid mengeja dan membaca perkataan dua suku kata tertutup berdasarkan rakaman bunyi huruf
- ➔ Meningkatkan keyakinan diri murid untuk membaca perkataan dua suku kata tertutup
- ➔ Menyediakan persekitaran pembelajaran murid yang seronok dan menarik

## Gambar Pelaksanaan



## Faedah

Pembelajaran kadar sendiri dan interaktif dapat berlaku.

Pembelajaran yang menyeronokkan dan bermakna dapat diwujudkan.